



مجلس باندراي ملاك برسجاره  
**MAJLIS BANDARAYA MELAKA BERSEJARAH**  
**BANDARAYA WARISAN DUNIA**  
**KENYATAAN SEBUT HARGA**

Sebut harga adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor yang **berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB)** dalam gred, kategori dan pengkhususan yang berkaitan. Mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK), Sijil Taraf Bumiputera (STB) dan memenuhi syarat ~~Sijil Pematuhan Cukai (TCC)~~ iaitu ~~masih berkuatkuasa dan berstatus "Patuh"~~ serta berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan masih dibenarkan membuat sebutharga pada masa ini dan tempoh sah laku sijil-sijil sekurang-kurangnya tiga (3) bulan semasa tarikh tutup sebutharga bagi kerja-kerja berkaitan:-

| BUTIR-BUTIR SEBUT HARGA                                                                                                                                                                                                                                               | SYARAT PENDAFTARAN                                                                                                                                 | HARGA & TARIKH DOKUMEN DIJUAL                                                                                                                                             | TARIKH DAN TEMPAT TAKLIMAT                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                           | TARIKH & TEMPAT SEBUT HARGA DITUTUP                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                             |
|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <b>MBMB/SH/2025/111</b><br><br><b>KERJA-KERJA MENURAP SEMULA JALAN DI TAMAN CHENG BARU DAN KAWASAN SEKITARNYA, CHENG, MELAKA</b><br><br><b>Peruntukan : MARRIS</b><br><br><b>Tarikh Kelulusan : 17/10/2025</b><br><br><b>No. Fail Jabatan : MBMB/JK/00001/1041(J)</b> | <u><b>LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA</b></u><br><br>Gred G1<br>(Daerah Melaka Tengah)<br><br>Kategori CE<br><br>Pengkhususan CE01 | <u><b>HARGA</b></u><br><br><b>RM10.00</b><br>* Tidak akan dikembalikan<br><br><u><b>TARIKH</b></u><br><br><b>27 Oktober 2025 (Isnin) sehingga 3 November 2025 (Isnin)</b> | <b>27 Oktober 2025 (Isnin)</b><br>Jam 9.30 pagi.<br>Berkumpul di Auditorium Bangunan Teknikal, Graha Makmur, MBMB.<br><br>1. Lawatan tapak adalah <u><b>DIWAJIBKAN</b></u><br><br>2. Hanya pegawai syarikat yang di tauliahkan di dalam sijil (SPKK) yang sah sahaja dibenarkan membuat pendaftaran Lawatan Tapak<br><br>3. Surat Kebenaran Khas daripada CIDB adalah <u><b>TIDAK DIBENARKAN</b></u> | <u><b>TARIKH</b></u><br><br><b>3 November 2025 (Isnin) pada jam 12.00 tengahari</b><br><br>Serahan tangan :<br>Peti Tawaran,<br>Lobi Jabatan Kewangan, Aras Bawah, Graha Makmur, No. 1, Jalan Tun Abdul Razak – Ayer Keroh, Hang Tuah Jaya, 75450 Melaka.<br><br>-----<br><br>Perkhidmatan Pos Berdaftar / Kurier :<br>Bahagian Perolehan, Jabatan Kewangan, Aras Bawah, Graha Makmur, No. 1, Jalan Tun Abdul Razak – Ayer Keroh, Hang Tuah Jaya, 75450 Melaka. |

Naskah sebutharga serta keterangan lanjut **HANYA** boleh dimuat turun dari **Sistem Tender Online Melaka (STOM)** yang boleh dicapai melalui alamat <https://stom.melaka.gov.my>. Sebutharga dianggap **BATAL** dan tidak akan dipertimbangkan sekiranya pembekal membuat salinan pendua daripada dokumen sebutharga yang asal.

Syarikat perlu membuat dan melengkapkan pendaftaran akaun serta langganan di **Sistem Tender Online Melaka (STOM)** dengan caj langganan sebanyak RM50.00 setahun dan membuat pembelian dokumen sebutharga secara dalam talian dengan harga RM10.00 bermula pada **27 Oktober 2025 (Isnin) sehingga 3 November 2025 (Isnin)**.

Dokumen sebutharga yang telah lengkap hendaklah dikemukakan di dalam sampul surat bermeteri dan dihantar secara serahan tangan serta dimasukkan ke dalam Peti Tawaran di pejabat **MAJLIS BANDARAYA MELAKA BERSEJARAH (Lobi Jabatan Kewangan)**. Jika sebutharga dihantar menggunakan perkhidmatan pos berdaftar / kurier, pembekal hendaklah memastikan dokumen selamat tiba pada alamat yang telah ditetapkan sebelum atau pada Tarikh Tutup sebutharga selewat-lewatnya pada jam 12.00 tengahari. Sebarang kelewatan dalam urusan tidak akan dilayan.

Dengan kebenaran,  
**DATUK BANDAR**  
**Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah**  
sk : Datuk Bandar  
Setiausaha Bandaraya  
PK  
Ketua Audit Dalam